

Kerajaan gagal lucut hak barang milik Najib

Sinar Harian - 9/11/2021 ml: 12

Barangan termasuk beg tangan pelbagai jenama, 27 kenderaan dan wang tunai yang disita

KUALA LUMPUR

Mahkamah Tinggi di sini pada Isnin menolak permohonan kerajaan bagi melucut hak barangan mewah yang dirampas daripada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor, anak mereka dan beberapa individu.

Barangan itu termasuk beg tangan pelbagai jenama, 27 buah kenderaan dan wang tunai pelbagai mata wang yang disita daripada Najib, Rosmah, tiga anak mereka dan lima lagi responden yang didakwa mempunyai kaitan dengan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).


Hakim Mohamed Zaini Mazlan

yang menolak permohonan Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk melucut hak barangan itu berkata, AGC gagal membuktikan hubungan antara harta yang disita dan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

“Harta yang disita daripada Najib, Rosmah, dua anak mereka, Nor Ashman Razak dan Nooryana Najwa serta anak tiri Najib, Riza Shahriz Abdul Aziz dirampas dari premis yang diduduki atau sebelum ini diduduki oleh mereka dalam apa jua keadaan daripada keluarga yang sama.

“Tiada bukti yang menunjukkan bahawa harta yang disita daripada lima responden itu dibeli menggunakan wang dalam akaun bank Najib. Pemohon (AGC) sebenarnya mengaku bahawa beberapa harta yang disita adalah hadiah,” kata hakim itu.

Hakim juga menolak permohonan untuk melucut hak sebuah banglo



NAJIB

KES 1MDB

yang didirikan atas dua plot tanah di Taman Tanjung Bungah, Pulau Pinang serta wang yang disimpan dalam tiga akaun bank milik responden ke-13, Puan Sri Goh Gaik Ewe yang merupakan ibu kepada ahli perniagaan dalam burtuan, Low Taek Jho atau Jho Low.

Kerajaan juga gagal melucut hak wang yang disimpan dalam tujuh akaun bank milik responden ke-14 dan ke-15 iaitu bekas pegawai bank Goldman Sachs, Roger Ng dan isterinya, Lim Hwee Bin.

Mahkamah juga menolak permohonan kerajaan melucut hak 26 Nissan Urvan dan sebuah Nissan X-Trail milik responden ketujuh dan kelapan yang dinamakan dalam saman pelucuthakan iaitu sebuah syarikat khidmat perundingan pengurusan, Senjauhar Sdn Bhd dan seorang individu, Aiman Ruslan. - Bernama